

**SOALAN NO: 503**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**TARIKH:** -

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tindakan segera untuk membuat pindaan Akta Kesatuan bagi memastikan hak berkesatuan berjalan lancar walaupun adanya TPPA.**

**PR-1341-T71904**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 peringkat Jabatan. Jawatankuasa ini kini dalam proses menyediakan draf awal pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Peraturan-Peraturan berdasarkan maklum balas dari sesi konsultasi *Holistic Review* dan ketetapan yang terkandung dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).
2. Bagi membolehkan urusan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 berjalan dengan teratur dan lancar, satu ‘road map’ telah dirangka yang antara lainnya mengadakan sesi libat urus (*engagement*) bersama *stakeholders* terutama sekali pihak-pihak yang berkepentingan seperti kesatuan sekerja dan majikan untuk sama-sama meneliti dan memberi pandangan serta cadangan ke atas cadangan pindaan tersebut.